

# HSSE LESSON LEARNT

## TRAGEDI HUJAN LEBAT

### APA YANG TERJADI?



#NOKSELAMATSOKMO  
FOR MYSELF | FOR MYFAMILY | FOR MYFUTURE  
ZERO LTI, ZERO SPILL, ZERO HARM

Dungun – Seorang LELAKI maut selepas tercampak keluar daripada kenderaan dipandunya dalam kemalangan di Jalan Kuala Terengganu-Kuantan. Kejadian dipercayai berlaku apabila kereta Proton Wira dipandu mangsa terbabas ke kanan jalan sebelum merempuh pagar rumah di situ yang menyebabkan mangsa tercampak keluar daripada kenderaan dipandunya. Kemalangan turut menyebabkan kereta Proton Saga BLM dipandu wanita berusia 23 tahun yang berada di belakang kereta mangsa berpusing sebelum dirempuh sebuah lagi Proton Wira dipandu lelaki berusia 28 tahun ketika cuba mengelak kenderaan Partiban yang hilang kawalan. Kedua-dua pemandu terbabit bagaimanapun tidak mengalami sebarang kecederaan.

### PUNCA

- Ketika kejadian keadaan jalan basah akibat hujan lebat.
- Mangsa yang memandu secara melulu telah hilang kawalan menyebabkan kereta yang mengekori dari belakang turut menekan brek mengejut sehingga berpusing.
- Kes disiasat mengikut seksyen 41 (1) Akta Pengangkutan Jalan 1987 kerana memandu secara melulu dan membahayakan sehingga menyebabkan kematian.

### TAULADAN

- Cuaca hujan lebat akan menyebabkan permukaan jalan raya licin. Jadi, sila pastikan anda memperlahankan kenderaan anda dan memandu ikut had kelajuan yang sesuai.
- Elak daripada memandu terlalu rapat dengan kenderaan di hadapan. Sila pastikan anda menjaga jarak di antara kenderaan apabila memandu ketika hujan.
- Elak bersikap mementingkan diri sendiri. Fikir juga keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Ingat, biar lambat asalkan selamat.



Sumber: [hmetro.co.my](http://hmetro.co.my)